



Busana Hias Etnik Murut

TINAWAK DAN SAPULU



Lembaga Kebudayaan
Negeri Sabah



KANDUNGAN


PRAKATA	iv
1.0 LATAR BELAKANG	1-7
2.0 PENGENALAN TINAWAK	8-33
3.0 PENGENALAN SAPULU	34-54
4.0 PENGHARGAAN	55-56
5.0 BIBLIOGRAFI	57-60

1.0 LATAR BELAKANG MURUT

Sabah merupakan negeri yang sangat unik dan bervariasi kerana dilatari budaya dan warisan yang pelbagai. Ini disebabkan Sabah antara negeri di Malaysia yang mempunyai kumpulan etnik peribumi yang banyak iaitu melebihi 42 etnik. Kepelbagaian etnik inilah yang banyak memperlihatkan budaya di Sabah seperti wujudnya pakaian tradisi, makanan tradisi, anyaman, tarian, tenunan dan banyak lagi.

Etnik Murut adalah etnik peribumi ketiga terbanyak di negeri yang diberi jolokan 'negeri di bawah bayu' ini selepas Kadazandusun dan Bajau. Suatu ketika dahulu, etnik Murut mempunyai latar belakang sebagai pahlawan di kalangan masyarakat khususnya lelaki kerana kaum ini adalah pemburu kepala manusia di kepulauan Borneo.

TINAWAK



2.0 PENGENALAN

Aksesori di bahagian pinggang yang dipakai kaum wanita Murut dipanggil *tinawak*. *Tinawak* atau *bungkas* lazimnya dipakai ketika mengenakan pakaian tradisi Murut yang dibuat menggunakan manik. Pembuatan manik yang penuh dengan sifat kemasannya akan memberikan gambaran kepada si pemakai kerana akan menampakkan lagi kejelitaan wanita-wanita Murut.

Kini, *tinawak* sukar ditemui kerana golongan muda kurang berminat untuk membuatnya. Ini kerana proses pembuatan yang sedikit rumit menyebabkan mereka kurang berminat untuk mencuba.

2.1 BAHAN-BAHAN YANG DIGUNAKAN



SAPULU**3.0 PENGENALAN**

Pemakaian baju tradisi Murut tidak lengkap jika tidak memakai aksesori badan ataupun busana hias. Kaum wanita atau *ralaah* biasanya akan memakai aksesori kepala ketika memakai pakaian tradisi Murut. Aksesori ini dipanggil *sapulu* oleh suku kaum Murut Tagol.

Sapulu atau *pitol* biasanya akan dipakai ketika adanya majlis-majlis perkahwinan ataupun keramaian. Aksesori ini dianggap kebanggaan suku kaum Murut kerana keunikkan dan keasliannya. Hal ini kerana apabila memakainya akan menampakkan seseorang wanita itu lebih terserlah penampilannya dari segi kecantikan. Warna manik sapulu sebenarnya bukan pada satu warna sahaja akan tetapi ianya berbeza-beza mengikut kesesuaian si pemakai. Pada masa kini, *sapulu* juga digunakan secara komersil di majlis-majlis rasmi kerana mempunyai nilai yang tersendiri serta tampak ringkas digayakan.



Gambar 1



Gambar 2

(Gambar 1 dan 2 menunjukkan busana hias sapulu dipakai suku kaum wanita Murut)

4.0 PENGHARGAAN

Salam sejahtera,

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah ingin merakamkan penghargaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembuatan buku “Pembuatan Busana Hias Etnik Murut Tinawak dan Sapulu”. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurus Besar Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah iaitu Encik William Baya kerana telah memberi sokongan dan dorongan sepanjang pembuatan buku ini. Jutaan terima kasih juga kepada Pengurus Bahagian Kemahiran Seni dan Keusahawanan iaitu Puan Rozietha Bumburing kerana telah memberi tunjuk ajar semasa proses pembuatan buku ini.